

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 18 Januari 2016 13:11
To: UUM - All Staff; UUM - All Staff
Subject: GEMPAK BILA GENG MOTOR BERKUASA TINGGI BERHASRAT DISCOVER UUM



18 JANUARI 2016 / 08 RABIULAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

GEMPAK BILA GENG MOTOR BERKUASA TINGGI BERHASRAT DISCOVER UUM



ANJUNG TAMU ONLINE: Gegaran dan deruan bunyi enjin motor berkuasa tinggi sekaligus membuat semua orang akan menoleh untuk melihat siapakah gerangan yang memiliki motor berkuasa tinggi tersebut.

Baru-baru ini, dalam kerancangan mempromosikan Discover UUM 2016, pemilik motor berkuasa tinggi Honda Gold Wing dan Harley-Davidson dari Yayasan Permotoran Nasional (YPN), Secretary General Kapten Adam Abdullah dan Bendahari YPN Fauzi G.K. tiba di Welcome Centre bagi membincangkan program Discover UUM yang boleh diserasi-serasikan dengan Discover Kedah 2016.

Kebanyakan pemilik motor berkuasa tinggi kelihatan santai, begitulah gaya mereka yang ramah dan mesra ketika melawat Welcome Centre sambil mendengar taklimat tentang UUM sebelum perbincangan diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Welcome Centre. Hadir sama, penyelar Bahasa Mandarin Jabatan Canselori, Dr. Noraza Mat Udin.

Menurut Kapten Adam, Misi Discover UUM! “UUM boleh dijadikan sebagai salah satu pusat tarikan pelancongan dan UUM boleh ketengahkan pelbagai produk atau servis kepada umum”.

“Kami di YPN menyokong penuh Discover UUM, penganjuran pelbagai program dan aktiviti sebagai langkah memperkenalkan UUM”, ujarinya.

Sementara itu, Fauzi G.K. berkata, “Terbaik penerangan yang diterima daripada pihak UUM dan ianya membantu untuk menjayakan bidang permotoran”.

Selain kestabilan emosi dan fizikal penting bagi pemilik motor berkuasa tinggi yang mudah terdedah kepada pelbagai risiko seperti cuaca dan sebagainya namun motor berkuasa tinggi tetap diminati oleh sebahagian pengguna jalan raya.

Dalam pada itu, umum mengetahui bahawa sejarah motosikal bermula apabila manusia cuba untuk memasang enjin pada basikal. Justeru, sejak daripada itulah rekaan motosikal terus berevolusi mengikut zaman sehinggalah kepada model-model motosikal terkini yang dapat kita lihat pada hari ini termasuklah motor berkuasa tinggi.

Malah, kepada mereka yang ingin berjinak-jinak dengan motor yang berkuasa tinggi, inilah pesanan daripada YPN kepada UUM,

“Kami bersedia membantu pada bila-bila masa sahaja”, kata Fauzi G.K.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

